



## LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi Insurans Kenderaan

Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum membuat keputusan membeli Polisi Insurans Kenderaan ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat umum.

### 1. Apakah perincian produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap liabiliti ke atas pihak lain untuk kecederaan atau kematian, kerosakan harta pihak lain dan juga kemalangan atau kerosakan akibat kebakaran dan kecurian kenderaan anda.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Terdapat 3 jenis perlindungan yang boleh diringkaskan seperti berikut:

Jenis kerugian	Pihak Ketiga	Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian	Komprehensif
Liabiliti kepada pihak ketiga: i) kecederaan ii) kematian (had: tiada had) iii) kerosakan harta (had : sehingga RM3 juta)	√	√	√
Kehilangan/kerosakan kenderaan sendiri disebabkan kebakaran tak disengajakan/kecurian	X	√	√
Kehilangan/kerosakan kepada kenderaan sendiri disebabkan oleh kemalangan	X	X	√

Manfaat pilihan yang boleh diinsuranskan dengan membayar premium tambahan

- Perlindungan liabiliti penumpang
- Kerosakan cermin depan kereta (untuk perlindungan komprehensif sahaja)
- Kerosakan yang disebabkan oleh banjir dan tanah runtuh (untuk perlindungan komprehensif sahaja)

Manfaat pilihan ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk cawangan-cawangan atau ejen-ejen kami untuk jenis-jenis penambahan lain yang ditawarkan.

### Had Geografi

Had geografi adalah untuk kenderaan yang digunakan di atas jalanraya awam di Malaysia, Singapura dan Brunei.

### 3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Premium kenderaan diperolehi berdasarkan kadar tarif kenderaan bermotor. Premium merangkumi faktor-faktor seperti keupayaan enjin kenderaan, usia kenderaan, umur pihak yang diinsuranskan, diskaun tanpa tuntutan, nilai yang diinsuranskan dan penambahan-penambahan yang dipohon.

### 4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- Apa yang anda perlu bayar selain premium yang dikenakan  
Cukai Perkhidmatan (jika ada) – 5% daripada premium \*(tertakluk kepada kenderaan yang diinsuranskan di bawah entiti perniagaan)  
Duti Setem (RM10.00)
- Apa yang termasuk di dalam premium  
Komisen yang dibayar kepada pengantara (jika ada) – 10% daripada premium

### 5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

- Kepentingan membuat pendedahan – anda perlu mendedahkan kesemua fakta matan seperti kemalangan-kemalangan sebelum ini dan pengubahsuaian yang dibuat kepada enjin kenderaan
- Anda harus memastikan yang kenderaan anda diinsuranskan pada nilai yang bersesuaian
- Insurans kenderaan diurusniagakan berasaskan tunai sebelum perlindungan/ 'Cash Before Cover' (CBC). Penginsurans perlu menerima premium sebelum memberi perlindungan insurans (premium yang diterima ejen dianggap diterima oleh penginsurans)
- Lebih merujuk kepada nilai kerugian yang perlu anda tanggung untuk sebarang tuntutan kerosakan persendirian. Nilai lebih dinyatakan di dalam Jadual Polisi. Walau bagaimanapun, untuk Kereta Persendirian, lebih wajib sebanyak RM400 (di atas lebih jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Polisi (jika ada)) adalah digunapakai jika kenderaan dipandu oleh

- o Seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun
- o Seseorang yang memegang lesen memandu sementara (L)
- o Seseorang yang memegang lesen memandu penuh kurang daripada 2 tahun
- o Seseorang yang tidak dinamakan di dalam Jadual Polisi
- o Seseorang yang dinamakan di dalam Jadual Polisi, kurang daripada 21 tahun dan/atau memegang lesen memandu sementara (L) dan/atau pemegang lesen memandu penuh selama kurang daripada 2 tahun.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.*

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

*Polisi ini tidak memberi perlindungan terhadap kerugian tertentu seperti*

- i) *Kematian atau kecederaan tubuh badan anda sendiri yang disebabkan kemalangan kenderaan*
- ii) *Liabiliti kepada pemandu dan para penumpang kenderaan anda sendiri (kecederaan, kematian atau kerosakan harta)*
- iii) *Kecurian aksesori kenderaan yang bukan dipasang pengilang*
- iv) *Kerugian lanjutan, susut nilai, haus dan lusuh, kegagalan fungsi mekanikal atau elektrik atau bahagian yang pecah*
- v) *Kerugian/kerosakan yang timbul daripada keadaan semula jadi seperti banjir, tanah runtuh*

*Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Sebaik pembatalan, jumlah premium berdasarkan prorata yang akan dipulangkan kepada anda jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan selama lebih daripada dua belas (12) bulan atau kadar tempoh pendek\* jika kenderaan tidak diinsuranskan secara berterusan selama lebih daripada dua belas (12) bulan dengan syarikat yang sama. Sebarang premium minimum yang telah dibayar di bawah polisi tidak akan dipulangkan. Pulangan balik premium hanya dibenarkan jika tiada tuntutan pernah dibuat ketika Tempoh diinsuranskan.

**\* Jadual kadar tempoh pendek**

<u>Tempoh Tidak Melebihi</u>	<u>Premium Tahunan yang dikembalikan</u>
1 minggu	87.5%
1 bulan	75%
2 bulan	62.5%
3 bulan	50%
4 bulan	37.5%
6 bulan	25%
8 bulan	12.5%
Tempoh melebihi 8 bulan	Tiada pulangan bayaran

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan pada maklumat terperinci saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami terhadap sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda untuk memastikan kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Kenderaan, sila merujuk kepada buku panduan *Info Insurans*, yang boleh didapati di kesemua cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan buku panduan tersebut daripada ejen insurans anda atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) untuk maklumat lanjut.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

**AmG Insurance Berhad**

Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**

Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance,  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 88 8800 Fax: (603) 21713000  
E-Mel: [amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)  
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

**10. Adakah terdapat Insurans Kenderaan lain?**

Insurans Kenderaan adalah ditentukan oleh Tarif Kenderaan Bermotor. Sila rujuk kepada perkara no. 2 untuk perlindungan insuransnya.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI DENGAN POLISI INI YANG AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**